4. Mengesahkan bahawa saya telah memaklumkan sepenuhnya kepada pihak Bank mengenai semua kemudahan pembiayaan yang saya miliki dengan semua penyedia perkhidmatan kewangan termasuk entiti bukan kewangan. Sebarang ketaktepatan atau kesilapan gambaran di dalam maklumat di atas yang disediakan oleh saya tidak menyebabkan kegagalan pihak Bank untuk mematuhi Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM); Pihak Bank berhak mengkaji semula, membatalkan dan/atau menamatkan Kemudahan yang diberikan kepada saya disebabkan oleh ketidaktepatan maklumat atau kenyataan salah yang disediakan oleh saya, pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya dan saya akan menanggung segala kerugian dan caj yang timbul akibat daripada maklumat yang tidak benar, tidak lengkap dan/atau tidak tepat.
5. Memberi kebenaran dan membenarkan tanpa boleh batal kepada pihak Bank, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan menyediakan semua maklumat saya yang berkaitan dengan Kemudahan, Permohonan ini, akaun sedia ada dan akan datang dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan saya atau perniagaan dan operasi saya kepada:
   (a) Institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang untuk memberi sebarang kemudahan pembiayaan/ kredit kepada saya, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh BNM, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa/agensi berkaitan yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank Malaysia atau Persatuan Institut Bank-Bank Islam Malaysia;
   (b) Sebarang perbadanan semasa atau akan datang yang mungkin bersekutu atau berkait dengan pihak Bank (sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Syarikat 2016), termasuk wakil dan pejabat cawangan serta subsidiari syarikat pegangan pihak Bank;
   (c) Pihak cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan cagaran berkaitan dengan Kemudahan;
   (d) Juruaudit pihak Bank, peguamcara dan/atau agen lain berhubung mendapatkan wang yang perlu dibayar dan akan dibayar di sini; dan
   (e) Penasihat profesional, penyedia perkhidmatan, penama, agen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga Bank yang terlibat di dalam peruntukan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh pihak Bank dan syarikat bersekutu atau berkaitnya.

   Saya dengan ini memberi kebenaran yang tidak boleh dibatalkan berhubung pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa pihak Bank, pegawai dan kakitangannya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas penyediaan maklumat tersebut atau untuk akibat daripada sebarang pergantungan yang mungkin diletakkan ke atas maklumat tersebut yang telah disediakan berdasarkan Terma dan Syarat ini.
6. Mengakui bahawa saya tidak ada sebarang keingkaran untuk sebarang akaun dengan pihak Bank atau mana-mana institusi kewangan lain dan membenarkan pihak Bank menghubungi institusi kewangan berkenaan mengenai sebarang sejarah bayaran lewat saya.
7. Mengakui bahawa saya bukan seorang muflis, bahawa tidak ada sebarang tindakan kemuflisan dilakukan oleh saya dan tidak ada sebarang tindakan undang-undang atau prosiding yang belum selesai, sedang dilaksanakan atau perintah kemuflisan diperolehi terhadap saya.
8. Mengesahkan dan memahami bahawa pihak Bank berhak untuk menolak permohonan ini tanpa memberi sebarang sebab;
9. Mengakui bahawa saya memahami bahawa permohonan saya untuk Kemudahan akan tertakluk kepada Terma dan Syarat, salinan mengenainya telah disediakan kepada saya dan juga boleh diperolehi di laman sesawang pihak Bank di www.hlisb.com.my dan bahawa saya telah membaca dan memahami Terma dan Syarat tersebut serta bersetuju untuk terikat dan mematuhinya.

10. Memahami bahawa pihak Bank berhak untuk mengubah Kadar Keuntungan ditentukan yang tertakluk kepada keputusan akhir pihak Bank. Saya juga memahami bahawa Kadar Keuntunganakan dimaklumkan kepada saya sebelum pelepasan bayaran Kemudahan dibuat ke dalam akaun saya yang dinyatakan dalam permohonan ini.
11. Memahami dan bersetuju bahawa pihak Bank mungkin meluluskan Kemudahan untuk nilai atau tempoh yang lebih rendah dari yang saya mohon.
12. Bersetuju dan membenarkan pihak Bank menolak duti setem, serta sebarang yuran-yuran lain yang dikenakan ke atas Kemudahan sebelum membayar baki untuk jumlah Kemudahan yang diluluskan menggunakan kaedah pembayaran yang telah saya pilih dalam permohonan ini.
13. Mengaku janji untuk membayar kepada pihak Bank ansuran bulanan berdasarkan amaun Kemudahan yang diberikan pada tarikh yang ditetapkan dan pada Kadar Keuntungan yang tertera dalam Jadual Pembayaran Bank yang akan dihantar kepada saya, serta semua yuran dan caj berkenaan di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
14. Mengesahkan dan mengakui bahawa butiran akaun yang dinyatakan dalam Butiran Pelepasan Bayaran pada permohonan ini untuk tujuan penerimaan Jumlah Kemudahan adalah akaun peribadi saya dan jika maklumat yang diberikan di sini adalah tidak benar/tidak tepat yang menyebabkan berlaku kesilapan dalam pelepasan bayaran Kemudahan atau sebarang perkara berkaitan dengannya, saya akan bertanggungjawab mengenainya dan memberi indemniti kepada pihak Bank atas kerugian dan caj.
15. Mengesahkan bahawa sekiranya tempoh pembiayaan berlanjutan sehingga umur persaraan saya, saya menyedari bahawa saya bertanggungjawab untuk memastikan bahawa saya mempunyai pelan persaraan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pembayaran pembiayaan dengan sewajarnya.
16. Memperakui dan bersetuju bahawa permohonan ini, Terma dan Syarat, Jadual Pembayaran Bank dan semua dokumen lain yang dikeluarkan oleh pihak Bank yang berkaitan dengan Kemudahan akan membentuk dan menjadi satu perjanjian tunggal yang dimeterai oleh saya dengan pihak Bank.
    Memahami dan bersetuju bahawa jika Kejadian Keingkaran (seperti yang diperuntukan dalam Klausa 13 Terma dan Syarat) berlaku:
    (a) Pihak Bank berhak mengambil tindakan sedemikian (sama ada dengan sendirinya atau melalui agennya) yang sesuai dengan saya untuk pemulihan semua jumlah yang terhutang dan tertunggak di bawah Kemudahan dan/atau menjual akaun saya, sekiran akaun saya diklasifikasikan sebagai tertunggak atau terjejas oleh pihak Bank, kepada pihak ketiga sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknya; dan
    (b) Jika saya gagal, mengabaikan dan/atau tidak bertindak balas terhadap notis dan/atau komunikasi yang dikeluarkan oleh pihak Bank berhubung dengan keingkaran saya bagi Kemudahan ini, mengikut Terma dan Syarat ini, saya dengan ini bersetuju dan membenarkan pihak Bank, pegawai, kakitangan, wakil dan/atau ejennya untuk melawat mana-mana lokasi yang diketahui oleh pihak bank dimana saya mungkin berada, termasuk tetapi tidak terhad kepada tempat bekerja/berniaga saya seperti mana yang dianggap perlu dan wajar oleh pihak Bank untuk tujuan mengekalkan dan/atau menguatkuasakan hak dan sekuriti pihak Bank dibawah Terma dan Syarat Kemudahan ini.
17. Mengesahkan bahawa saya telah membaca Notis Privasi Bank* dan bersetuju bahawa semua data peribadi yang disediakan kepada pihak Bank oleh saya dan/atau diperolehi oleh pihak Bank dari domain awam, serta data peribadi yang timbul daripada peruntukan perkhidmatan kepada saya akan tertakluk kepada Notis Privasi tersebut yang mungkin berubah dari semasa ke semasa. Saya dengan ini bersetuju dan membenarkan pendedahan nama saya dan sebarang butiran perhubungan lain kepada syarikat di dalam kumpulan syarikat pihak Bank dan/atau Hong Leong Financial Group Berhad untuk tujuan pemasaran dan promosi;
    *"Notis Privasi" bermaksud dasar dan prinsip Bank berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti, bakal dan sedia ada yang berurusan dengan Bank sebagaimana yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa dan dinyatakan di laman sesawang Bank atau dalam apa jua cara yang dianggap wajar oleh Bank dari semasa ke semasa.
18. Bagi permohonan Penggabungan Pinjaman Peribadi ("PFiC"), saya:
    (a) bersetuju dan mengesahkan bahawa saya akan mematuhi kehendak-kehendak program PFiC yang ditawarkan kepada saya ketika memohon Kemudahan PFiC.
    (b) mengesahkan bahawa saya mempunyai Kad Kredit/Kad Kredit-i dan/atau kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi belum selesai yang setara dengan Jumlah Amaun Penggabungan Kasar seperti disebutkan dalam Bahagian E permohonan ini dengan bank/institusi kewangan seperti ditentukan dalam Bahagian E permohonan ini ("Institusi Kewangan") dan amaun yang bakal dikeluarkan/dibayar/dipindahkan oleh Bank adalah untuk menjelaskan Jumlah Amaun Penggabungan Kasar.
    (c) sedar bahawa menurut program PFiC, saya tidak akan layak menyertai kempen Pulangan Tunai kecuali jika program PFiC telah dimohon sekali dengan Pembiayaan Peribadi-i Pembiayaan Tambahan atau melainkan diberitahu sebaliknya oleh Bank.
    (d) bersetuju bahawa Kemudahan PFiC akan digunakan untuk menjelaskan Jumlah Amaun Penggabungan Kasar seperti berikut:
        i. baki Kad Kredit/Kad Kredit-i belum selesai; dan/atau
        ii. Akaun Pinjaman/Pembiayaan Peribadi.
    (e) Sekiranya Kemudahan PFiC yang diluluskan tidak cukup untuk menjelaskan kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi saya menurut Bahagian E permohonan seperti yang saya sebutkan, saya faham dan bersetuju bahawa pada dasarnya saya berkewajipan memastikan Institusi Kewangan yang memberi saya kemudahan Pembiayaan Peribadi menutup akaun Pinjaman/Pembiayaan Peribadi saya selepas Bank membayar/mengeluarkan Kemudahan PFiC kepada Institusi Kewangan berkenaan dan saya tidak akan mempertanggungjawabkan Bank sekiranya Institusi Kewangan itu gagal menutup akaun Pinjaman/Pembiayaan Peribadi saya atas apa jua sebab sekalipun.
    (f) Faham dan bersetuju bahawa jumlah PFiC akan dihadkan setakat lima (5) akaun (Kad Kredit/Kad Kredit-i dan/atau Pinjaman/Pembiayaan Peribadi) seperti disebutkan dalam Bahagian E permohonan ini dan tempoh bayaran balik yang diluluskan adalah antara dua (2) hingga lima (5) tahun.
    (g) faham dan bersetuju bahawa kadar keuntungan adalah maksimum 2% lebih rendah daripada kadar faedah/Kadar keuntungan penggabungan atas bayaran faedah/keuntungan penggabungan bagi kemudahan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi dan/atau kemudahan Kad Kredit/Kad Kredit-i sedia ada saya.
    (h) faham dan bersetuju bahawa jumlah Kemudahan PFiC minimum yang diluluskan ialah RM5,000 setiap pelanggan dan setiap penggabungan hutang tertunggak dengan Institusi Kewangan digenapkan kepada RM100 terdekat. Kemudahan PFiC yang diluluskan hendaklah digenapkan secara menaik kepada RM1,000 terdekat dan ansuran bulanan digenapkan kepada RM5.00 terdekat.
    (i) bersetuju dan membenarkan Bank membayar Kemudahan PFiC kepada baki Kad Kredit/Kad Kredit-i dan/atau baki Pinjaman/Pembiayaan Peribadi saya secara berurutan dari No. 1 hingga No. 5 seperti dinyatakan dalam Bahagian E permohonan ini.
    (j) bagi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi belum selesai, tanpa mengesampingkan Fasal 18(i) di atas, saya dengan ini bersetuju dan faham bahawa Bank hanya akan membayar Kemudahan PFiC sekiranya Kemudahan PFiC cukup untuk membayar "Amaun Yang Hendak Dipindahkan" seperti yang saya sebutkan dalam Bahagian G permohonan ini. Jika Kemudahan PFiC yang diluluskan itu tidak cukup untuk membayar mana-mana satu Pinjaman/Pembiayaan Peribadi yang dinyatakan dalam Bahagian G permohonan ini, maka Bank tidak akan membayar Kemudahan PFiC untuk menjelaskan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi yang disebutkan tadi, sebaliknya Bank hendaklah membayar Kemudahan PFiC untuk menjelaskan akaun Pinjaman/Pembiayaan Peribadi saya yang lain dengan syarat hal yang sama itu boleh dijelaskan menurut Fasal 18(e) di atas berdasarkan amaun Kemudahan PFiC yang diluluskan) dan/atau baki Kad Kredit/Kad Kredit-i (sama ada penuh atau sebahagian bergantung kepada amaun Kemudahan PFiC yang diluluskan) secara berurutan dari No. 1 hingga No.5 seperti dinyatakan dalam Bahagian G permohonan ini;

        Saya juga bersetuju dan faham bahawa Bank bergantung kepada "Amaun Yang Hendak Dipindahkan" dan Jumlah Amaun Penggabungan Hutang Kasar seperti yang saya sebutkan dalam Bahagian G permohonan ini dan saya tidak akan mempertanggungjawabkan Bank sekiranya saya tidak dapat menutup akaun Pinjaman/Pembiayaan Peribadi saya dengan Institusi Kewangan disebabkan Kemudahan PLC tidak cukup untuk menjelaskan Jumlah Amaun Penggabungan Kasar saya dan/atau Jumlah Amaun Penyelesaian Kasar adalah berbeza atau lebih rendah daripada amaun sebenar seperti yang tercatat dalam sistem Institusi Kewangan.
    (k) Seterusnya, sekiranya Kemudahan PFiC tidak cukup untuk menjelaskan Jumlah Amaun Penggabungan Hutang Kasar, maka Bank hendaklah menyelesaikan akaun Pinjaman/Pembiayaan Peribadi dan Kad Kredit/Kad Kredit-i belum selesai, secaraberurutan dari No. 1 hingga No. 5 seperti dinyatakan dalam Bahagian G permohonan ini.
    (l) bersetuju dan membenarkan Bank menjelaskan baki Kad Kredit/Kad Kredit-i (sama ada penuh atau sebahagian) dan baki Pinjaman/Pembiayaan Peribadi saya yang belum selesai terlebih dahulu sebelum membayar Wang-keluar Lebihan kepada akaun saya seperti yang ditentukan dalam permohonan ini, jika Wang-keluar Lebihan diluluskan berdasarkan kelayakan dan kemampuan saya.
    (m) bersetuju untuk menanggung segala fi, caj dan/atau penalti yang dikenakan dengan penyelesaian baki Kad Kredit/Kad Kredit-i dan/atau baki pinjaman/pembiayaan peribadi saya yang belum selesai yang mungkin dikenakan oleh institusi-institusi kewangan berkenaan yang memberi saya kemudahan kredit.
19. Mengesahkan dan mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami yang berikut, yang mana salinannya telah disediakan kepada saya:–
    - Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pembiayaan Peribadi-i; dan
    - Helaian Makluman Produk Pembiayaan Peribadi-i.

    Nota: Pelanggan yang memilih untuk tidak berkongsi data peribadi mereka dalam kumpulan pihak Bank dan/atau kumpulan syarikat Hong Leong Bank Financial Group Berhad untuk tujuan pemasaran dan promosi perlu menghubungi Pusat Panggilan kami di 03-7626 8899 untuk mendaftar arahan keluar dari perkongsian tersebut.

    Saya mengesahkan bahawa saya telah meneliti dan bersetuju menerima e-Penyata/e-Cukai yang dikeluarkan oleh pihak Bank dan terikat dengan kepada terma-terma dan syarat-syarat Kemudahan e-Penyata dan/atau Kemudahan e-Invois Cukai.

    Saya dengan ini memperakui bahawa saya telah membaca dan memahami kandungan Deklarasi yang dinyatakan dalam borang permohonan ini.

20. (a) Secara tidak boleh dibatalkan dan tanpa syarat berjanji untuk membeli aset tersebut (seperti yang ditetapkan di dalam Surat Perwakilan dalam Bahagian II di sini) pada Harga Jualan sebagaimana yang ditakrifkan dalam T&C Kemudahan ini.
    (b) Aset ini akan dijual dalam "keadaan sepertimana sedia ada" tanpa apa-apa representasi atau waranti berkenaan dengannya dan semasa pengeluaran perjanjian pembelian, sijil dan surat cara lain; semua risiko adalah kepada saya dan pihak Bank hendaklah dibebaskan daripada apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau obligasi yang berhubungan dengan Aset dalam apa-apa bentuk atau cara sekalipun.
    (c) Apa-apa kecacatan atau kegagalan penghantaran atau mana-mana pertikaian berhubung dengan Aset tidak boleh dalam apa-apa cara menjejaskan atau membebaskan kewajipan saya atau akujanji di bawah ini, atau di dalam Kemudahan ini.
    (d) Akujanji pembelian ini harus tidak batal (kecuali dengan kebenaran bertulis dari Bank) dan terikat terhadap saya dan pengganti saya yang mempunyai hak, penerima serah hak dan wakil peribadi.

PART II / BAHAGIAN II

Letter of Agency

To : HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD

I hereby irrevocably and unconditionally appoint the Bank to be my absolute and undisclosed agent, to do the following duties:

(a) to purchase Platinum or any other Shariah compliant commodities ("Asset"); from the Bank (in its capacity as seller) on deferred payment terms at the agreed price equivalent to the Facility Amount in a manner and terms as determined by the Bank at the Bank's discretion.

(b) to take possession (physical or constructive) of the Asset.

(c) upon my request, allow me to obtain possession of the Asset at my own costs and expenses subject that the Bank have yet to sell the Asset on my behalf to Eiger or any other commodity purchaser ("third party").

(d) to sell the Asset to any third party at the Bank's discretion on my behalf at the price equivalent to the Facility Amount.

(e) to receive the Sale Proceeds on my behalf from the third party purchaser of the Asset, to hold the Sale Proceeds on trust for me and to or any part thereof to me into my account as stated in Part I.

(f) to deliver possession of and title in and to the Asset to the third party purchaser of the Asset.

(g) to do all acts incidental to the above but shall not be limited to the execution of the Electronic Sales Certificate of any document or instrument required thereof, delivery, possession and retention of the Asset in any manner as the Bank deems fit.

(h) shall recognise that the Bank as my absolute and undisclosed agent shall at all times be:

i) be authorised to sign and execute all documents and do all acts and observe and perform all obligations required to be done in connection with its appointment as my agent, or imposed under any sale transaction to the third party purchaser of the Asset;

ii) authorised to delegate its rights and duties as an agent to any third party to do all acts necessary for the completion of the required transactions; and

iii) required to do all the administrative duties regarding the holding and the sale of the Asset as well as takaful coverage thereof where applicable.

(i) Notwithstanding any sale of the Asset by the Bank as my agent and/or any defects and/or any non-delivery and/or any dispute whatsoever in relation to the Asset that I may have with the third party purchaser pursuant to the sale by the Bank selling the Asset as agent on my behalf subsequent to me purchasing the Asset from the Bank but prior to the full settlement of the Selling Price and the Indebtedness created under the said Electronic Sales Certificate, it shall not in any way impair or absolve the Customer's obligations as arising out in the Electronic Sales Certificate and in the Terms and Conditions of the Facility.

(j) I shall be bound by any contract or agreement that the Bank enters into on my behalf with any third party pursuant to the Bank's appointment as agent. Each sale and purchase transactions carried out shall not be unilaterally terminated by any of the contracting parties.

(k) I do not deem the Bank's appointment as agent to create a partnership or a joint venture, nor does it establish a relationship of principal or agent in any other relationship between me and the Bank.

(l) This appointment shall immediately cease upon expiry or termination of the Facility.

(m) I hereby undertake to indemnify the Bank from any losses, costs, expenses or damage that the Bank may suffer or incur as a result of fulfilling the Bank's agency function as set out above unless such losses, costs, expenses or damages are due to the gross negligence, fraud and wilful misconduct of the Bank or its agent.

I understand and agree that you shall not, in any circumstances whatsoever, be liable to me for any direct or consequential losses, even if informed in advance of the likelihood of them being incurred (including, without limitation, economic loss, loss of goodwill, loss of business opportunity or loss of profits).

I hereby fully indemnify you from any losses, costs, expenses or damages that you may suffer or incur as a result of you acting as my agent as set out above.

Yours faithfully,

Surat Perwakilan

Kepada: HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD

Saya dengan ini, secara tidak boleh batal dan tanpa syarat, melantik pihak Bank sebagai wakil saya yang mutlak dan tanpa didedahkan, untuk membuat dan melaksanakan perkara yang berikut:

(a) untuk membeli Platinum atau komoditi lain yang dibenarkan Shariah ("Aset") dari pihak Bank (sebagai penjual) secara terma bayaran tangguhan yang dipersetujui bersamaan dengan Jumlah Kemudahan dengan cara dan terma-terma yang ditentukan dan atas budi bicara oleh Bank.

(b) mengambil hakmilik (fizikal atau konstruktif) Aset tersebut.

(c) di atas permintaan, untuk membenarkan saya mendapatkan dan mengambil milikan ke atas Aset saya dengan kos dan bayaran yang tertakluk kepada pihak Bank belum lagi menjual Aset kepada Eiger atau pembeli komoditi yang lain ("Pihak ketiga").

(d) untuk menjual Aset kepada pihak ketiga di atas budi bicara pihak Bank yang diwakili oleh saya keatas harga yang bersamaan dengan Jumlah Kemudahan.

(e) untuk menerima Pulangan daripada Jualan bagi pihak saya daripada pihak ketiga yang membeli Aset, untuk memegang Pulangan daripada Jualan yang diamanahkan ke atas saya dan menyalurkan Pulangan daripada Jualan atau sebahagian daripadanya kepada saya melalui akaun yang sediakan di Bahagian I.

(f) untuk menyerahkan milikan dan hak milik Aset kepada pihak ketiga yang membeli Aset.

(g) untuk penyempurnaan segala yang berkaitan diatas tetapi tidak terhad kepada perlaksanaan Sijil Jualan Elektronik terhadap sebarang dokumen atau instrumen yang diperlukan untuk serahan, hak milik dan sekatan Aset dalam apa cara yang dianggap wajar oleh pihak bank.

(h) dapat mengenal pasti bahawa pihak Bank adalah wakil yang mutlak dan wakil yang tanpa didedahkan pada setiap masa:

i) memberi kuasa untuk menandatangani dan menyempurnakan kesemua dokumen dan melakukan kesemua tanggungjawab yang diperlukan dan dilakukan sebagai wakil saya yang dilantik, atau dipertanggungjawabkan atas sebarang transaksi jualan kepada pembeli pihak ketiga untuk Aset tersebut.

ii) memberi kuasa untuk membahagikan hak dan tanggungjawab sebagai wakil kepada pihak ketiga untuk melakukan kesemua tanggungjawab mustahak untuk menyelesaikan transaksi yang diperlukan; dan

iii) perlu untuk melakukan kesemua tanggungjawab pentadbiran berkaitan pemegangan dan jualan Aset dan juga perlindungan takaful yang berkaitan.

(i) Walauapapun sebarang penjualan Aset oleh pihak Bank sebagai wakil dan/atau sebarang kecacatan dan/atau sebarang penghantaran tidak berjaya dan/atau sebarang pertikaian berhubung dengan Aset yang saya mungkin ada dengan pembeli pihak ketiga berhubung dengan jualan oleh pihak Bank yang menjual Aset sebagai wakil saya berikutan pembelian Aset dari pihak Bank tetapi sebelum penyelesaian penuh Harga jualan dan hutang yang wujud di bawah Sijil Jualan Elektronik dan Kemudahan.

(j) Saya terikat dengan mana-mana kontrak atau perjanjian yang dibuat oleh pihak Bank yang mewakili saya sebagai Ejen. Setiap transaksi jual dan beli yang dibuat tidak boleh diberhentikan secara sepihak oleh mana-mana pihak di dalam kontrak.

(k) Saya tidak anggap pelantikan Bank sebagai ejen untuk mewujudkan satu perkongsian atau usaha sama , ia juga tidak mewujudkan hubungan principal atau ejen dalam mana-mana hubungan lain di antara saya dan pihak Bank.

(l) Perlantikan ini hendaklah dengan serta merta terhenti apabila tamat tempoh atau penamatan Kemudahan.

(m) Saya dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi Bank daripada apa-apa kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang Bank mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank akibat daripada memenuhi fungsi Bank sebagai ejen seperti yang dinyatakan di atas, kecuali kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang disebabkan oleh kecuaian kasar, penipuan dan salah laku yang disengajakan oleh Bank atau ejennya.

Saya faham dan bersetuju bahawasanya pihak Bank tidak akan dalam sebarang keadaan pun, bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian terhadap saya, walaupun telah diberi notis kemungkinan ianya berlaku (termasuk, antaranya, kerugian ekonomi, kerugian namabaik, kerugian peluang perniagaan ataupun kerugian keuntungan).

Saya dengan ini memberi indemniti terhadap pihak Bank terhadap sebarang kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang berlaku atau ditanggung oleh pihak Bank dalam menjalankan tugas sebagai wakil saya seperti yang digariskan diatas.

Yang benar,

APPLICANT'S SIGNATURE TANDATANGAN PEMOHON

X

Applicant Signature Tandatangan Pemohon **Date** Tarikh

Note: Rebate for Early Settlement will be calculated based on the "Rule of 78" or "Sum of Digits" (Please refer the illustration on early settlement stated in the Terms and Conditions)

Nota: Rebat untuk Penyelesaian Awal akan dikira berdasarkan "Peraturan 78" atau "Jumlah Angka" (Sila rujuk illustrasi pada penyelesaian awal yang tertera di Terma-Terma dan Syarat-Syarat)

ATTENDED BY DIKENDALIKAN OLEH

Officer's Name & Date Nama Pegawai & Tarikh:	**Officer's Tel. No.** No. Tel. Pegawai

For Bank Use Untuk Kegunaan Bank

UNTUK KEGUNAAN BANK

Financing Amount Amaun Pembiayaan	**Tenure** Tempoh	**Date of Acceptance** Tarikh Persetujuaan
Authorised Signatory Penandatangan Yang Diberi Kuasa		

Branch Code Kod Cawangan

Source Code Kod Sumber

Delivery Channel Rangkaian Penghantaran

Promotion Code Kod Promosi

Officer Code Kod Pegawai